

# Keberanian Muaz, Muawwiz menentang Abu Jahal bukti semangat cintakan Rasulullah



## Usah perlekeh kewibawaan remaja

Kisah teladan pada zaman Rasulullah SAW membangkit semangat generasi muda. Ketika di medan perang Badar, Abdurrahman bin Auf didatangi dua remaja dari kaum Ansar, iaitu Muaz bin Amr Al-Jamuh dan Muawwiz bin Afra.

Masing-masing berumur 14 dan 13 tahun. Kedua-duanya datang bersenjata pedang. Tentera Quraisy seolah-olah tidak menghiraukan kehadiran dua remaja itu kerana menganggap mereka tidak berbahaya.

Mereka lebih memilih Abdurrahman bin Auf untuk ditawan hidup-hidup serta dijadikan tebusan kerana terkenal sebagai saudagar yang kaya. Kedua-dua remaja itu datang menemui sahabat besar Rasulullah semata-mata untuk memberitahu niat mereka membunuh Abu Jahal.

Dalam keadaan hiruk-pikuk pertempuran, Abdurrahman bin Auf berteriak, "Wahai anak, kamu masih terlalu muda untuk terbabit dalam peperangan ini, sebaiknya engkau menjauhkan diri dari tempat ini."

Namun, kedua-dua remaja itu tidak berganjak malah membalas kata-kata Abdurrahman bin Auf, "Kami mendapat izin daripada ibu dan ayah kami bagi menyertai pasukan Muhammad. Kami datang ke sini hanya untuk membunuh Abu Jahal. Tunjukkan di mana dia?"

### Kesungguhan tidak dihiraukan

Pada mulanya Abdurrahman bin Auf tidak menghiraukan kata-kata dua remaja itu tetapi Muaz dan Muawwiz terus mendesaknya supaya menunjukkan di

mana Abu Jahal. Kata mereka, Abu Jahal menghina serta menyakiti Rasulullah dan mereka ingin membunuhnya.

Tiba-tiba seorang tentera Quraisy menyerang Abdurrahman bin Auf dari belakang, Muaz dan Muawwiz segera bertindak melindunginya. Muaz menebas kaki tentera Quraisy sehingga menyebabkan dia tersungkur sementara Muawwiz pula bertindak menikamnya hingga mati.

Melihat insiden itu, timbul rasa kagum di hati Abdurrahman bin Auf terhadap dua remaja lalu beliau menunjukkan tempat Abu Jahal yang sedang berada di bawah seponon kayu sambil berteriak memberi kata-kata semangat kepada pasukannya supaya terus berjuang.

Muaz dan Muawwiz terus berlari ke arah Abu Jahal yang masih berada di atas kudanya tanpa menghiraukan keselamatan mereka. Ketika itu, Abu Jahal tidak menyedari kedatangan dua remaja berkenaan.

Muaz menebas kaki kanan kuda dinaiki Abu Jahal sehingga menyebabkan kuda tunggangan Abu Jahal tersungkur bersama Abu Jahal. Dalam keadaan penuh amarah, Abu Jahal cuba bangun

tetapi se pantas kilat Muaz menebas kaki kanan Abu Jahal sehingga putus.

Muawwiz menyusul lalu memukul kepala Abu Jahal sehingga lemah longlai. Ikramah iaitu anak Abu Jahal (ketika itu masih belum Islam) segera menolong dan melindungi bapanya. Ikramah bertindak menyerang balik Muaz dan menebas tangan kiri remaja itu hingga hampir putus.

### Syahid mempertahankan agama

Muaz berusaha lari dan dibiarkan oleh Ikrimah kerana melihat Muawwiz menghampiri bapanya untuk membunuhnya. Maka terjadi pertarungan antara seorang dewasa dengan remaja belasan tahun. Muawwiz akhirnya syahid di tangan Ikrimah.

Muaz yang berhasil meloloskan diri terus berlari menemui Rasulullah SAW dan menceritakan apa yang berlaku. Baginda SAW kemudian memanggil Abdullah Ibnu Mas'ud lalu menyuruh Ibnu Masud mencari Abu Jahal untuk mengakhiri riwayatnya.

Abdullah Ibnu Mas'ud menemui Abu Jahal yang luka dan walaupun dalam

keadaan ditekan lawannya, Abu Jahal tetap angkuh. Akhirnya Abu Jahal mati di tangan Abdullah Ibnu Mas'ud. Berita terbunuhnya Abu Jahal dengan cepat disampaikan kepada pasukan Islam.

Mendengar berita itu, semangat juang umat Islam semakin membara manakala bagi pihak Musyrikin, berita itu melemahkan mereka. Begitulah kematian musuh Allah dan Rasul, Abu Jahal yang bermula dengan serangan dua remaja.

Kesungguhan Muaz dan Muawwiz berjuang mengalahkan musuh Islam perlu dijadikan teladan generasi muda sekarang. Walaupun kita tidak bertempur di medan perang tetapi kita masih boleh berjihad menegakkan Islam serta memerangi musuh Allah serta Rasul-Nya.

Tambahan dengan pelbagai provokasi terhadap agama serta umat Islam, golongan muda perlu tampil untuk menunjukkan keberanian mereka melindungi akidah serta kepercayaan tidak berbelah bagi terhadap agama Allah SWT.

Ini bukti kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW yang turut mengiktiraf sumbangan golongan muda dalam perjuangan semasa hayat Baginda SAW.

